

07/09/2005

Mahathir-Minyak

M'SIA TIDAK TERJEJAS TERUK DENGAN KENAIKAN HARGA MINYAK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan terjejas teruk dengan peningkatan harga minyak mentah dunia yang mencecah US\$65.96 setong hari ini.

"Dalam jangka masa panjang, kita (Malaysia) akan menyesuaikan diri kerana kita tidak begitu terjejas berbanding negara lain kerana kita mempunyai lebih minyak yang kita jual pada harga tinggi sekarang.

"Jadi, kita juga memperolehi pendapatan. Memanglah harga minyak mentah sedang naik tetapi harga barangan makanan juga perlu dipantau," katanya kepada pemberita selepas berucap pada Forum Kepimpinan Sedunia 2005 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau membaca akhbar pagi ini dan mendapati "hotdog" yang dahulunya berharga 50 sen kini dijual dengan harga RM1.

"Ini salah kerana peningkatan harga minyak tidak menjejaskan harga makanan dengan begitu ketara sekali. Ianya akan memberi kesan tetapi kita perlu timbang berapa banyak kos minyak yang digunakan untuk menghasilkan makanan. Ianya mungkin kerana pengangkutan atau sebagainya tetapi paling tinggi pun 10 peratus. Jadi kenaikan dari 50 sen ke RM1 adalah perbuatan mengaut untung berlebihan," katanya.

Terdahulu itu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia adalah pengeluar kecil petroleum tetapi "kita memperolehi pendapatan lebih untuk setiap tong daripada kebanyakan negara lain."

"Kami sertai aktiviti-aktiviti huluan dan hiliran dengan memperolehi kemahiran yang membantu kita memperolehi pendapatan juga di negara-negara lain," katanya.

Dr Mahathir, yang juga penasihat Proton, berkata rakyat Malaysia akan mencari pelbagai kesalahan dengan pengeluar kereta nasional itu.

Ketika diminta mengulas satu laporan media bahawa Proton akan menghentikan rancangannya di China, beliau berkata: "Saya tidak tahu. Saya tidak dimaklumkan mengenai perkara-perkara ini tetapi kita akan lihat banyak perkara yang tidak betul dengan Proton sekarang."

"Saya tidak suka memberi komen lebih mengenai perkara ini kerana ini adalah bidang kuasa pengurusan. Mereka boleh memutuskan," katanya.

Apabila ditanya mengenai hubungannya dengan pihak pengurusan atasan Proton, Dr Mahathir berkata beliau tidak mempunyai hubungan dengan pengurusan.

Mengenai masa depan Proton, beliau berkata itu adalah untuk pengurusan dan lembaga pengarahnya untuk menentukan.

Mengenai bantahan oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) tertentu terhadap beliau menyampaikan ucapan pada satu persidangan anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), yang dijadual Jumaat ini, Dr Mahathir berkata hakikat bahawa badan-badan NGO ini boleh memberi pendapat menunjukkan bahawa hak asasi manusia masih hidup di negara ini.

"Hakikat bahawa NGO boleh berkata ini tentang saya menunjukkan bahawa kita mempertahankan hak asasi manusia. Mereka mempunyai hak. Di beberapa negara, mereka tidak boleh hidup sama sekali," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan meneruskan dengan ucapannya nanti, Dr Mahathir berkata: "Sudah tentu. Saya diundang, itu hak saya. Adakah mereka (NGO) menafikan hak asasi saya?"

-- BERNAMA

SR AM DC MAI

